

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

LAPORAN LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Kegiatan utama Koperasi Tenaga Nasional Berhad ialah menjalankan kegiatan ekonomi, perkhidmatan dan kebajikan bagi memberi manfaat kepada anggota-anggotanya.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- (a) perolehan Koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang luar biasa;
- (b) Koperasi bercadang mengeluarkan dividen sebanyak 9% (2021: 8%) atas modal syer dan 5% (2021: 5%) atas modal yuran yang berjumlah sebanyak RM2,902,268 (2021: RM2,190,156) dan RM8,786,301 (2021: RM8,303,03) masing-masing untuk tahun kewangan ini. Koperasi juga bercadang membuat peruntukan seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Kumpulan Wang Khairat Kematian	50,000	40,000
Kumpulan Wang Anugerah Anggota Setia	100,000	120,000
Kumpulan Wang Pelajaran Tan Sri Abu Zarim	150,000	30,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer	819,849	719,702
Kumpulan Wang Potongan Langganan	806,787	1,517,129
Honorarium Anggota Lembaga	120,000	120,000
Yayasan Amal Tenaga	200,000	200,000

- (c) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;
- (d) tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

LAPORAN LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3) (SAMB.)

- (e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan adalah munasabah;
- (f) dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang pindaan penting dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan, selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan; dan
- (g) aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi secara urusan perniagaan biasa.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.

RADZMIN SHAH BIN MD SHAHBUDIN

Bendahari

MOHD ROSZELI BIN MAJID

Setiasaha

MOHAMMAD AMRAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengerusi

Tarikh:
Kuala Lumpur, Malaysia

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftar Dibawah Akta Koperasi 1993)
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi Tenaga Nasional Berhad, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan pada 31 Disember 2022, Akaun Pembahagian Keuntungan Yang Disatukan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain Dan Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, serta polisi-polisi perakaunan yang penting, seperti yang dikemukakan di mukasurat 42 hingga 83.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2022, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi memberi asas untuk menyatakan pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi ini mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Perlakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftar Dibawah Akta Koperasi 1993)
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang Berkaitan.

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk maklumat-maklumat yang lain. Maklumat-maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Berkanun Lembaga Mengikut Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (1)(c) ("Laporan Berkanun") tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan audit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, adalah tanggungjawab juruaudit untuk membaca Laporan Berkanun dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Berkanun tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salahnyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Berkanun, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab para Anggota Lembaga ke atas Penyata Kewangan

Penyediaan dan pembentangan yang memberi gambaran benar dan saksama penyata kewangan adalah tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman memandangkan keputusan Anggota Lembaga Koperasi adalah perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, sekiranya yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan bagi asas perakaunan melainkan jika, Anggota Lembaga Koperasi sama ada berhasrat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu berbuat demikian.

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftar Dibawah Akta Koperasi 1993)
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada akibat penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi tetapi tidak menjamin bahawa kerja audit yang dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku hasil daripada penipuan atau kesilapan dan dikira ketara jika, secara berasingan atau secara terkumpul, ianya secara munasabah dijangka akan memberikan kesan kepada keputusan ekonomi yang dilakukan pengguna yang diambil berdasarkan maklumat penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang proses pengauditan. Kami juga :

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang bertindak balas kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan kerana penipuan yang mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian yang disengaja, gambaran yang salah atau melanggar kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi mereka bentuk prosedur audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- Menyimpulkan tentang kewajaran asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh Anggota Lembaga Koperasi, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian wujud berkenaan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Koperasi untuk sentiasa berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa wujud ketidakpastian yang ketara, kami adalah dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit dan di dalam nota-nota yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika nota-nota tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami berdasarkan bukti-bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan audit dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Koperasi tidak berupaya meneruskan operasi berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk nota-nota, dan sama ada penyata kewangan menunjukkan transaksi dan peristiwa yang berlaku dengan cara menunjukkan pembentangan yang saksama.

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftar Dibawah Akta Koperasi 1993)
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Samb.)

Kami menyampaikan kepada Anggota Lembaga Koperasi berkenaan, antara yang lain, perancangan skop dan tempoh masa pengauditan dan kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah kami kenalpasti semasa pengauditan.

Laporan ke atas Keperluan Perundangan dan Kawal Selia

Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a. Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993.
- b. Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang serta perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 di Malaysia dan Undang-undang Kecil Koperasi,
- c. Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah selaras dengan polisi-polisi perakaunan.

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat hanya untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa ada sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

JAMAL AMIN & PARTNERS

(No : AF 1067)

Akauntan Bertauliah

Tarikh:

Kuala Lumpur

AMINUDDIN BIN YAHAYA

No. Juruaudit : SKM (B) 0420

Akauntan Bertauliah

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3	63,131,060	42,437,443	51,038,084	30,095,667
ASET BUKAN SEMASA					
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	4	-	-	1,051,000	1,051,000
PELABURAN SYER TAK SIARHARGA	5	3,384,753	3,477,553	3,384,753	3,477,553
ASET CUKAI TERTUNDA		-	43,000	-	-
PINJAMAN PEKERJA	6	606,608	620,970	578,499	620,970
PINJAMAN ANGGOTA	7(a)	-	-	-	-
JAMINAN ATAS PINJAMAN	7(b)	670,327	927,995	670,327	927,995
PEMBIAYAAN SYARIAH	7(c)	211,448,899	154,685,516	211,448,899	154,685,516
PINJAMAN GADAI JANJI	8(a)	387,321	794,065	387,321	794,065
PEMBIAYAAN BAI' AL-'INAH GADAI JANJI	8(b)	8,773,990	11,304,588	8,773,990	11,304,588
PEMBIAYAAN AR RAHNU	9	6,024,190	1,340,830	6,024,190	1,340,830
AKAUN CARUMAN KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT		1,969,985	1,969,985	1,969,985	1,969,985
AKAUN DEPOSIT KOPERASI - KWRS		3,780,408	3,780,408	3,780,408	3,780,408
		<u>300,177,542</u>	<u>221,382,354</u>	<u>289,107,457</u>	<u>210,048,577</u>
ASET SEMASA					
INVENTORI	10	902,676	584,448	844,176	525,948
PINJAMAN PEKERJA	6	106,167	75,453	106,167	47,118
PINJAMAN ANGGOTA	7(a)	-	-	-	-
JAMINAN ATAS PINJAMAN	7(b)	312,810	312,810	312,810	312,810
PEMBIAYAAN SYARIAH	7(c)	15,875,347	15,875,347	15,875,347	15,875,347
PINJAMAN GADAI JANJI	8(a)	67,038	67,038	67,038	67,038
PEMBIAYAAN BAI' AL-'INAH GADAI JANJI	8(b)	897,119	897,119	897,119	897,119
PEMBIAYAAN AR RAHNU	9	2,681,661	2,681,661	2,681,661	2,681,661
PENGHUTANG PERDAGANGAN	11	91,756,933	80,632,231	83,645,160	77,016,608
PENGHUTANG PELBAGAI	12	15,158,754	19,557,916	14,298,930	18,502,096
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	13(a)	5,000,000	6,000,000	5,000,000	6,000,000
DEPOSIT TETAP	13(b)	1,979,317	32,379,627	434,406	30,834,717
WANG DI TANGAN DAN DI BANK	14	24,530,808	4,063,343	21,613,632	3,397,741
		<u>159,268,630</u>	<u>163,126,994</u>	<u>145,776,447</u>	<u>156,158,204</u>
JUMLAH ASET		459,446,171	384,509,348	434,883,904	366,206,781
LIABILITI SEMASA					
SIMPANAN BOLEH KELUAR	16	9,555,733	10,771,311	9,555,733	10,771,311
PEMIUTANG PERDAGANGAN	17	2,567,800	2,846,199	1,548,059	1,635,524
PEMIUTANG PELBAGAI	18	27,175,901	22,530,393	21,158,234	15,167,862
PEMBIAYAAN DARI INSTITUSI KEWANGAN	19	8,950,428	1,043,632	7,824,000	-
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	20	327,940	287,881	327,940	287,881
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	21	163,970	143,940	163,970	143,940
DIVIDEN DICADANGKAN	22	11,688,569	10,493,195	11,688,569	10,493,195
AKAUN KHAS	23	15,428,830	14,003,903	15,428,830	14,003,903
HONORARIUM	24	120,000	120,000	120,000	120,000
YAYASAN AMAL TENAGA	25	773,197	819,448	773,197	819,448
		<u>76,752,367</u>	<u>63,059,902</u>	<u>68,588,531</u>	<u>53,443,064</u>
ASET SEMASA BERSIH		82,516,262	100,067,092	77,187,916	102,715,140
		382,693,803	321,449,445	366,295,372	312,763,717

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN (SAMB.)
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
DIBIAYAI OLEH					
MODAL SYER ANGGOTA	26	35,216,681	29,789,003	35,216,681	29,789,003
MODAL YURAN ANGGOTA	27	178,048,315	174,055,458	178,048,315	174,055,458
KUMPULAN WANG DAN WANG CADANGAN	28	12,286,467	11,486,874	12,286,467	11,486,874
MODAL SYER DITEBUS	29	4,783,702	3,878,662	4,783,702	3,878,662
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	30	4,364,775	4,449,965	4,364,775	4,449,965
KEUNTUNGAN TERKUMPUL		688	(360,798)	600,454	570,454
KUMPULAN WANG ANGGOTA		234,700,627	223,299,164	235,300,394	224,230,417
KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	31	27,870,120	26,622,186	27,870,120	26,622,185
KEPENTINGAN MINORITI		84,980	103,940	-	-
LIABILITI BUKAN SEMASA					
<i>PEMBIAYAAN JANGKA PANJANG</i>					
PEMBIAYAAN DARI INSTITUSI KEWANGAN	19	46,719,769	9,513,041	29,806,551	-
PENDAPATAN TERTANGGUH	32	73,318,307	61,911,114	73,318,307	61,911,114
		120,038,076	71,424,155	103,124,858	61,911,114
		382,693,803	321,449,445	366,295,372	312,763,717

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN YANG DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN INI		16,847,844	12,628,406	16,396,980	14,394,049
Tolak: Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang Rizab					
Statutori - 12% (2021: 8%)	31	1,967,637	719,702	1,967,637	719,702
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan					
Koperasi - 2% (2021: 2%)	20	327,940	287,881	327,940	287,881
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan					
Koperasi - 1% (2021: 1%)	21	163,970	143,940	163,970	143,940
Jumlah Pembahagian Berkanun		<u>2,459,547</u>	<u>1,151,525</u>	<u>2,459,546</u>	<u>1,151,523</u>
Keuntungan Selepas Pindahan Berkanun		14,388,296	11,476,881	13,937,433	13,242,526
Tolak: PEMBAHAGIAN YANG DICADANGKAN BAGI TAHUN					
Dividen Dicadangkan: 9% Atas Modal Syer (2021: 8%)		2,902,268	2,190,156	2,902,268	2,190,156
Dividen Dicadangkan: 5% Atas Modal Yuran (2021: 5%)		8,786,301	8,303,039	8,786,301	8,303,039
Kumpulan Wang Khairat Kematian	28(a)	50,000	40,000	50,000	40,000
Kumpulan Wang Anugerah Anggota Setia	28(b)	100,000	120,000	100,000	120,000
Kumpulan Wang Pelajaran Tan Sri Abu Zarim	28(c)	150,000	30,000	150,000	30,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer	30	819,849	819,849	819,849	819,849
Kumpulan Wang Potongan Langganan	28(e)	806,787	1,517,129	806,787	1,517,129
Honorarium Anggota Lembaga	24	120,000	120,000	120,000	120,000
Yayasan Amal Tenaga	25	200,000	200,000	200,000	200,000
		<u>13,935,205</u>	<u>13,340,173</u>	<u>13,935,205</u>	<u>13,240,026</u>
				-	
Baki Keuntungan Selepas Lain-lain Pembahagian		453,091	(1,863,292)	2,228	2,500
Peruntukan Percukaian		(2,500)	(2,500)	(2,500)	(2,500)
Baki (Kerugian) / Keuntungan Selepas Cukai		<u>450,592</u>	<u>(1,865,791)</u>	<u>(272)</u>	<u>(0)</u>
Keuntungan Terkumpul Di Bawa Ke Hadapan		(460,944)	1,370,299	570,454	540,454
Kepentingan Minoriti		(18,960)	4,548		-
Honorarium Anggota Lembaga Terlebih Diperuntukan Tahun Lepas		30,000	30,000	30,000	30,000
Keuntungan Terkumpul Dihantar					
Ke Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan		<u>688</u>	<u>(460,944)</u>	<u>600,454</u>	<u>570,454</u>

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN YANG DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Jualan	33(a)	67,564,167	51,782,333	56,549,864	50,063,150
Kos Jualan	33(b)	(42,132,110)	(29,627,401)	(32,030,090)	(28,293,602)
Keuntungan Kasar		25,432,057	22,154,932	24,519,774	21,769,548
Lain-lain Pendapatan	33(c)	1,650,329	1,149,276	1,144,819	788,952
Perbelanjaan Operasi	33(d)	(10,234,543)	(10,675,802)	(9,267,614)	(8,164,451)
Cukai		-	-	-	-
Keuntungan Bersih Dipindahkan Ke Akaun Pembahagian Keuntungan		16,847,844	12,628,406	16,396,980	14,394,049
Diwakili Oleh:					
Keuntungan Di Bahagian Koperasi TNB		8,768,907	8,900,421	8,768,907	8,900,421
Keuntungan Di Bahagian Kedai Koperasi TNB		7,267,011	5,775,596	7,267,011	5,775,596
Keuntungan Di Bahagian Koperasi TNB Travel & Tours		-	128,004	-	128,004
Keuntungan/(Kerugian) Di Bahagian KopTown Hotel		(5,103)	(405,114)	(5,103)	(405,114)
Keuntungan/(Kerugian) Di Bahagian KopTown Ar Rahnu		366,164	(4,858)	366,164	(4,858)
Kerugian Di Bahagian KTNB Travel & Tours Sdn Bhd		489,483	(1,774,924)	-	-
Kerugian Di Bahagian KopTown Solutions Sdn Bhd		(38,619)	9,281	-	-
		16,847,844	12,628,406	16,396,980	14,394,049

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022	2021
		RM	RM
PENDAPATAN			
<i>Keuntungan Pembiayaan / Faedah Pinjaman</i>			
Keuntungan Pembiayaan Syariah		12,744,038	11,461,500
Keuntungan Pembiayaan Bai' Al-'Inah Gadai Janji		503,292	535,382
Faedah dari Pinjaman Peribadi		66	72
Faedah Pinjaman Gadai Janji		29,673	32,975
Faedah Pinjaman Pekerja		16,578	(113)
		13,293,647	12,029,816
 <i>Pendapatan Lain</i>			
Dividen Saham	34	221,473	360,167
Dividen Atas Caruman KWLP		-	35,984
Fi Pengurusan Qard		240,350	184,568
Keuntungan Simpanan Tetap		714,906	811,591
Keuntungan Akaun Simpanan		20,844	42,606
Komisen Insurans/Takaful		567,354	699,744
Pendapatan Pelbagai		1,195,652	613,939
Sewaan		763,797	666,981
Yuran Masuk		7,706	2,508
		3,732,082	3,418,088
 JUMLAH PENDAPATAN	 33(a)	 17,025,729	 15,447,905
 TOLAK: PERBELANJAAN			
<i>Kos Pekerja / Sumber Tenaga</i>			
Bonus		290,516	210,771
Caruman KWSP		386,285	339,366
Caruman Perkeso		33,679	28,392
Elaun Mesyuarat / Kerja		295,886	207,518
Elaun Latihan Industri		2,460	1,500
Gaji		2,234,384	1,915,304
Ganjaran Persaraan Pekerja		207,163	137,581
Kerja Lebih Masa		11,517	12,268
Pakaian Seragam		4,090	8,290
Perubatan		196,552	224,216
Saguhati Pekerja		11,700	15,430
Tuntutan Perjalanan Pekerja		42,612	30,078
	37	3,716,843	3,130,714
 <i>Perbelanjaan ALK</i>			
Cenderahati Anggota Lembaga		6,219	5,438
Elaun Hadir Mesyuarat Anggota Lembaga		191,415	214,310
Kursus & Seminar Anggota Lembaga		228,649	27,820
Saguhati Bersara Anggota Lembaga		14,250	12,000
Sara Hidup, Perjalanan & Penginapan Anggota Lembaga		116,621	184,232
	35	557,153	443,800

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<i>Penjualan & Pemasaran</i>			
Derma Dan Sumbangan		4,100	20,750
Promosi & Pemasaran		22,612	78,774
		26,712	99,524
<i>Yuran Profesional</i>			
Bayaran Audit		32,615	30,000
Bayaran Guaman		180,563	157,462
Bayaran Profesional		291,282	329,258
		504,460	516,720
<i>Pentadbiran Am</i>			
Alatulis & Percetakan		99,837	73,538
Bayaran Takaful		504,680	-
Cukai & Lesen		193,648	139,591
Elaun Perwakilan Hadir Mesyuarat		118,115	34,050
Elaun Tugas JAD		4,800	7,250
Elektrik & Air		55,836	36,094
Hutang Lapuk		-	434,400
Jamuan Tahunan		54,228	70,381
Mesyuarat Agung Tahunan		328,821	191,246
Pengeposan & Bungkus		10,704	10,608
Penyelenggaraan		443,854	249,348
Perbelanjaan Mesyuarat		102,710	36,116
Perbelanjaan Am		41,394	22,992
Rosotnilai Saham		50,400	50,000
Sara Hidup, Perjalanan & Penginapan JAD		3,421	1,393
Sewa Pejabat & Peralatan		65,209	48,152
Susutnilai		1,158,551	788,937
Telefon & Faksimili		43,543	61,551
Zakat Perniagaan		165,000	94,800
		3,444,754	2,350,447
<i>Kewangan</i>			
Perkhidmatan Bank		6,900	6,278
		6,900	6,278
JUMLAH PERBELANJAAN	33(d)	8,256,822	6,547,483
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI		8,768,907	8,900,421
CUKAI		-	-
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI		8,768,907	8,900,421

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KEDAI KOPERASI TNB
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
JUALAN	33(a)	39,210,397	33,241,730
KOS JUALAN	33(b)	(31,744,925)	(27,375,818)
KEUNTUNGAN KASAR		7,465,472	5,865,912
PENDAPATAN			
<i>Pendapatan Lain</i>			
Keuntungan Akaun Simpanan		-	211
Keuntungan Simpanan Tetap		99,194	13,853
Komisen Insurans		-	11,686
Komisen Diterima		13,270	-
Pendapatan Pelbagai		377,337	490,620
Sewaan		3,250	250
	33(c)	493,050	516,620
JUMLAH PENDAPATAN		7,958,522	6,382,532
TOLAK: PERBELANJAAN			
<i>Kos Pekerja / Sumber Tenaga</i>			
Bonus		30,843	28,653
Caruman KWSP		17,315	61,989
Caruman Perkeso		2,998	6,698
Elaun Mesyuarat / Kerja		16,560	6,550
Gaji		218,416	179,934
Kerja Lebih Masa		12,839	4,555
Pakaian Seragam		800	-
Perubatan		6,806	13,723
Saguhati Pekerja		1,029	89
Tuntutan Perjalanan Pekerja		2,936	2,326
	37	310,542	304,516
<i>Penjualan & Pemasaran</i>			
Promosi & Pemasaran		52,868	32,923
		52,868	32,923

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KEDAI KOPERASI TNB
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<i>Pentadbiran Am</i>			
Alatulis & Percetakan		19,700	8,302
Elektrik & Air		18,183	14,999
Hutang Lapuk		79,200	79,200
Jamuan Tahunan		1,950	1,950
Pengeposan & Bungkus		54	1,217
Penyelenggaraan		75	-
Perbelanjaan Mesyuarat		180	-
Perbelanjaan Am		22	313
Sewa Pejabat & Peralatan		4,800	-
Susutnilai		47,644	47,779
Telefon & Faksimili		11,665	14,168
Zakat Perniagaan		144,000	99,600
		327,472	267,528
<i>Kewangan</i>			
Perkhidmatan Bank		630	-
		630	1,969
JUMLAH PERBELANJAAN	33(d)	691,511	606,936
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI		7,267,011	5,775,596
CUKAI			
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI		7,267,011	5,775,596

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOPERASI TNB TRAVEL & TOURS
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2,022 RM	2021 RM
JUALAN	33(a)	-	612,687
KOS JUALAN	33(b)	-	(490,993)
KEUNTUNGAN KASAR		-	121,694
PENDAPATAN			
<i>Pendapatan Lain</i>			
Keuntungan Simpanan Tetap		-	37
Pendapatan Pelbagai		-	6,272
	33(c)	-	6,309
JUMLAH PENDAPATAN		-	128,004
PERBELANJAAN			
<i>Pentadbiran Am</i>			
Hutang Lapuk		-	-
		-	-
<i>Kewangan</i>			
Perkhidmatan Bank		-	-
		-	-
JUMLAH PERBELANJAAN	33(d)	-	-
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI		-	128,004
CUKAI		-	-
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI		-	128,004

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOFTOWN HOTEL
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
JUALAN	33(a)	-	561,447
KOS JUALAN	33(b)	-	(239,029)
KEUNTUNGAN KASAR		-	322,418
PENDAPATAN			
<i>Pendapatan Lain</i>			
Keuntungan Simpanan Tetap		-	-
Pendapatan Pelbagai	33(c)	-	75,600
		-	75,600
JUMLAH PENDAPATAN		-	398,018
TOLAK: PERBELANJAAN			
<i>Kos Pekerja / Sumber Tenaga</i>			
Bonus		-	24,780
Caruman KWSP		-	36,049
Caruman Perkeso		-	5,513
Elaun Mesyuarat / Kerja		1,779	29,255
Gaji		-	271,570
Pampasan Pekerja		-	28,804
Kerja Lebih Masa		-	15,315
Pakaian Seragam		-	-
Perubatan		-	2,366
Tuntutan Perjalanan Pekerja		-	1,589
	37	1,779	415,241
<i>Penjualan & Pemasaran</i>			
Promosi & Pemasaran		-	400
		-	400
Yuran Profesional			
Bayaran Audit		-	67,621
Bayaran Professional		-	67,621
Pentadbiran Am			
Alatulis & Percetakan		-	2,280
Cukai & Lesen		3,270	42,678
Elektrik & Air		-	76,560
Pengeposan & Bungkus		-	383
Penyelenggaraan		-	39,643
Perbelanjaan Mesyuarat		-	75
Perbelanjaan Am		-	1,750
Sewa Pejabat & Peralatan		-	9,015
Susutnilai		-	129,401
Telefon & Faksimili		-	16,894
Zakat Perniagaan		-	498
		3,270	319,177

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOPTOWN HOTEL
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022	2021
		RM	RM
<i>Kewangan</i>			
SST		-	-
Perkhidmatan Bank		53	693
		53	693
JUMLAH PERBELANJAAN	33(d)	5,103	803,132
(KERUGIAN) / UNTUNG BERSIH SEBELUM CUKAI		(5,103)	(405,115)
CUKAI		-	-
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI		(5,103)	(405,114)

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOFTOWN AR RAHNU
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPRESIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
JUALAN	33(a)	313,738	199,382
KOS JUALAN	33(b)	(285,165)	(187,762)
KEUNTUNGAN KASAR		<u>28,573</u>	<u>11,620</u>
PENDAPATAN			
<i>Keuntungan Pembiayaan / Faedah Pinjaman</i>			
Keuntungan Pembiayaan Ar Rahn		651,174	190,128
	33(c)	<u>651,174</u>	<u>190,128</u>
<i>Pendapatan Lain</i>			
Pendapatan Pelbagai		595	295
	33(c)	<u>595</u>	<u>295</u>
JUMLAH PENDAPATAN		680,343	202,043
TOLAK: PERBELANJAAN			
<i>Kos Pekerja / Sumber Tenaga</i>			
Caruman KWSP		17,795	15,684
Caruman Perkeso		2,229	1,779
Elaun Mesyuarat / Kerja		11,074	7,578
Gaji		119,295	97,140
Kerja Lebih Masa		925	-
Pakaian Seragam		-	2,169
Perubatan		3,456	686
Saguhati Pekerja		-	41
Tuntutan Perjalanan Pekerja		227	330
	37	<u>155,000</u>	<u>125,407</u>
<i>Penjualan & Pemasaran</i>			
Derma Dan Sumbangan		1,500	-
Promosi & Pemasaran		128	314
		<u>1,628</u>	<u>314</u>
<i>Yuran Profesional</i>			
Bayaran Guaman		2,099	-
Bayaran Profesional		16,847	31,832
		<u>18,946</u>	<u>31,832</u>

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di Bawah Akta Koperasi 1993)

KOFTOWN AR RAHNU
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022	2021
		RM	RM
<i>Pentadbiran Am</i>			
Alatulis & Percetakan		14,203	5,776
Cukai & Lesen		8,063	955
Insurans / Takaful		30,935	21,210
Jamuan Tahunan		-	1,330
Pengeposan & Bungkus		1,458	702
Penyelenggaraan		-	13,103
Perbelanjaan Mesyuarat		-	275
Perbelanjaan Am		1,643	1,040
Sewa Pejabat & Peralatan		8,425	3,024
Susutnilai		71,205	-
Telefon & Faksimili		2,672	1,232
		<u>138,603</u>	<u>48,647</u>
 <i>Kewangan</i>			
Perkhidmatan Bank		-	701
		<u>-</u>	<u>701</u>
 JUMLAH PERBELANJAAN	 33(d)	 <u>314,178</u>	 <u>206,900</u>
 KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI		 366,164	 (4,858)
CUKAI			
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>366,164</u>	<u>(4,858)</u>

Lampiran Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan Sebelum Pembahagian				
Berkanun dan Cukai	16,847,844	12,628,407	16,396,980	14,394,050
Pelarasan untuk:				
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	1,277,400	1,456,528	1,277,400	966,116
Peruntukan Hutang Lapuk	79,200	1,443,688	79,200	513,600
Peruntukan Rosotnilai Saham	50,400	50,000	50,400	50,000
Keuntungan Sebelum Perubahan Modal Kerja	18,254,843	15,578,623	17,803,979	15,923,766
(Penambahan) / Pengurangan Dalam				
- Pembiayaan Syariah	(12,510,528)	(11,461,501)	(12,510,528)	(11,461,501)
- Pinjaman Kepada Anggota-Anggota	-	-	-	-
- Pinjaman Pekerja	(16,352)	113	(16,578)	113
- Pembiayaan Bai' Al-'Inah Gadai Janji	540,657	(568,357)	540,657	(568,357)
- Pembiayaan Ar Rahnū	(651,174)	(190,128)	(651,174)	(190,128)
- Akaun Caruman Kumpulan Wang				
Likuiditi Pusat	-	(110,456)	-	(110,456)
- Akaun Deposit Koperasi - KWRS	-	(2,085,806)	-	(2,085,806)
- Dividen Dicadangkan	(5,627,276)	(4,535,469)	(5,627,276)	(4,535,469)
- Penghutang Perdagangan	(11,203,900)	(12,276,165)	(6,707,751)	(12,832,702)
- Penghutang Pelbagai	4,399,298	(5,926,685)	4,203,302	(5,360,033)
- Inventori	(318,228)	(323,711)	(318,229)	(323,710)
(Penambahan) / Pengurangan Dalam				
- Simpanan Boleh Keluar	(1,215,578)	876,287	(1,215,578)	876,287
- Pemiutang Perdagangan	(278,399)	(1,661,127)	(87,465)	1,606,224
- Pemiutang Pelbagai	15,794,006	3,282,984	17,139,005	14,236,624
- Akaun Khas	1,424,927	1,754,547	1,424,927	1,754,547
Tunai Dijanakan dari Aktiviti Operasi	8,592,297	(17,646,851)	13,977,290	(3,070,600)
- Cukai Dibayar	(2,500)	(2,500)	(2,500)	(2,500)
- Zakat Dibayar	(311,410)	-	(311,410)	(243,371)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	8,278,387	(17,649,351)	13,663,380	(3,316,471)

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)
PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Nota	KUMPULAN		KOPERASI		
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM	
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penjualan Syer Taksiaharga	45,400	-	45,400	-	
Penambahan Pelaburan Syer Taksiaharga	(3,000)	-	(3,000)	(27,853)	
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(21,971,017)	(9,890,374)	(22,219,815)	(9,665,611)	
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(21,928,617)	(9,890,374)	(22,177,415)	(9,693,464)	
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Penambahan Modal Yuran	36,914,880	36,208,470	36,914,880	36,208,470	
Pembayaran Modal Yuran	(32,922,022)	(24,522,894)	(32,922,022)	(24,522,894)	
Penambahan Modal Syer	6,332,717	5,877,369	6,332,717	5,877,369	
Pengurangan Modal Syer	(905,040)	(822,011)	(905,040)	(822,011)	
Pengurangan Kumpulan Wang	(907,672)	168,788	(907,672)	168,788	
Pengurangan Kumpulan Wang Rizab Statutori	(719,703)	-	(719,703)	-	
Dividen Dibayar	(4,865,919)	(3,215,175)	(4,865,919)	(3,215,175)	
Honorarium Dibayar	(90,000)	(90,000)	(90,000)	(90,000)	
Bayaran Kumpulan Wang Amanah					
Pendidikan Koperasi	(287,881)	(217,269)	(287,881)	(217,269)	
Bayaran Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi	(143,940)	(108,634)	(143,940)	(108,634)	
Penerimaan Pembiayaan	80,189,936	84,151,291	80,189,936	71,022,340	
Pembayaran Balik Pembiayaan	45,113,524	568,596	37,630,551	-	
Pembayaran Pembiayaan	(124,991,495)	(83,605,957)	(124,896,291)	(83,605,957)	
Tunai Bersih (Digunakan Dalam Aktiviti Pembiayaan)	2,717,384	14,392,574	(4,670,384)	695,026	
PENGURANGAN DALAM TUNAI DAN TUNAI BERSAMAAN					
	(10,932,846)	(13,147,151)	(13,184,419)	(12,314,909)	
TUNAI DAN TUNAI BERSAMAAN PADA AWAL TAHUN					
	42,442,970	55,590,121	40,232,458	52,547,367	
TUNAI DAN TUNAI BERSAMAAN PADA AKHIR TAHUN					
	<u>31,510,125</u>	<u>42,442,970</u>	<u>27,048,039</u>	<u>40,232,458</u>	
TUNAI DAN TUNAI BERSAMAAN DIWAKILI OLEH:					
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	13(a)	5,000,000	6,000,000	5,000,000	6,000,000
Deposit Tetap	13(b)	1,979,317	32,379,627	434,406	30,834,717
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	14	24,530,808	4,063,343	21,613,632	3,397,741
		<u>31,510,125</u>	<u>42,442,970</u>	<u>27,048,039</u>	<u>40,232,458</u>

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA 1: MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pentadbiran Koperasi terletak di No. 96, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Koperasi ialah menjalankan kegiatan ekonomi, perkhidmatan dan kebajikan bagi memberi manfaat kepada anggota-anggotanya.

Kegiatan utama anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam nota 4 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan yang ketara dalam kegiatan utama pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama Koperasi bagi tahun kewangan semasa.

NOTA 2: DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Asas-asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan menurut peruntukan Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

b) Asas Penyatuan

Subsidiari merupakan semua entiti (termasuk entiti berstruktur) di mana Kumpulan mempunyai kawalan terhadapnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan berkeupayaan memberikan kesan terhadap pulangan tersebut melalui kuasanya terhadap entiti.

Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan dari tarikh kawalan tersebut terhenti.

Dibawah kaedah perakaunan pengambilalihan, seperti yang diterima pakai terhadap pengambilalihan syarikat yang dikawal bersama, kos pengambilalihan diukur sebagai nilai wajar aset yang diperolehi dan liabiliti tertanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran. Jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, maka nilai wajar pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh pengambilalih dalam syarikat diambil alih diukur semula kerana nilai wajar pada tarikh pengambilalihan, dan sebarang nilai wajar atau kerugian yang timbul daripada pengukuran semula yang sedemikian teriktiraf dalam penyata pendapatan. Aset yang diperolehi dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang diambil alih dan dapat dikenal pasti, diukur pada awalnya pada nilai wajar mereka pada tarikh pengambilalihan, tanpa menghiraukan takat kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan ke atas nilai wajar bahagian Kumpulan untuk aset bersih subsidiari diambil alih yang dapat dikenal pasti direkodkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah kurang daripada nilai wajar aset bersih subsidiari diambil alih, perbezaannya teriktiraf terus dalam penyata pendapatan.

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 2: DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

b) Asas Penyatuan (Samb.)

Urus niaga antara syarikat, baki dan nilai wajar belum terealisasi terhadap urus niaga antara syarikat kumpulan disingkirkan. Kerugian belum terealisasi turut disingkirkan. Dasar perakaunan subsidiari telah diubah mengikut keperluan bagi memastikan konsistensi terhadap dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Apabila Kumpulan terhenti mempunyai kawalan, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan diukur

c) Rosot Nilai Aset Kewangan

Koperasi menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah dirosot nilai.

Penghutang Dan Aset Kewangan Lain Yang Dibawa Pada Kos Pelunasan.

Untuk menentukan terdapat bukti objektif bahawa rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Koperasi menganggap faktor seperti kemungkinan muflis atau tekanan kewangan yang signifikan para Penghutang dan kegagalan atau pembayaran lewat yang signifikan. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, aset yang telah dinilai untuk tidak dirosot nilai secara individu adalah dinilai selepas itu untuk rosot nilai pada dasar kolektif berdasarkan sifat yang sama.

Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio penghutang boleh termasuk pengalaman lepas Koperasi dalam memungut pembayaran, peningkatan dalam jumlah pembayaran lewat dalam portfolio yang lepas, purata tempoh kredit dan perubahan yang dilihat dalam situasi ekonomi nasional atau tempatan yang selari dengan kegagalan pembayaran oleh penghutang.

Jika sebarang bukti wujud, jumlah rosot nilai akan dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai terkini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA 2: DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

d) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan dan Koperasi mengkaji semula nilai dibawa aset-aset untuk menentukan samada wujudnya petunjuk yang aset tersebut berkemungkinan telah rosot nilai. Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang diperolehi dari aset tersebut. Nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut adalah nilai tertinggi di antara nilai jualan bersih dan nilai penggunaan aset, yang diukur menggunakan aliran tunai yang didiskaunkan. Nilai yang diperolehi dianggarkan bagi setiap aset, atau, jika tidak berkemungkinan, bagi unit penghasilan aset tunai tersebut. Kerugian rosotnilai dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif.

Pertambahan selanjutnya dalam nilai yang boleh diterima ke atas aset tersebut diambilkira sebagai pembalikan semula kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa aset tersebut yang dapat dipastikan (setelah ditolak perlunasan atau susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif serta-merta.

e) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Koperasi dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai diperuntukkan atas kos dengan ansuran tahunan yang sama sepanjang anggaran kegunaan mereka pada kadar-kadar tahunan berikut :-

	(%)
Alatan	20
Bangunan	2
Kenderaan	20
Mesin dan alat-alat pejabat	20
Papan tanda	20
Perabot dan kelengkapan pejabat	20
Ubahsuai	20
Tanah pajakan	99 Tahun Pegangan Pajakan

f) Aset tidak ketara dan lain-lain aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman diiktiraf hanya jika item tersebut dikenal pasti dan ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dijangka akan mengalir kepada Koperasi dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Lain-lain aset tidak ketara dengan hayat berguna tertentu dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul, jika ada.

Manakala, lain-lain aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak terhad dinyatakan pada kos tolak kemerosotan nilai terkumpul, jika ada. Hayat berguna aset tidak ketara ini dikaji semula pada setiap tempoh untuk menentukan sama ada peristiwa dan keadaan terus memberi sokongan kepada penilaian hayat berguna tidak terhad untuk aset-aset ini.

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 2: DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

g) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh lagi didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung dengan instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA 2: DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

g) Aset Kewangan (Samb.)

iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh masuk:-

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian, rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Koperasi akan diterima bagi aset ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

